



JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

DR. ZALIHA KOMITED SELAMI DENYUT NADI WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 9 JANUARI 2024 – YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hari ini meluangkan masa untuk berinteraksi secara langsung dengan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Sesi temu rapat ini dapat mempererat hubungan antara YB Menteri dan rakyat, serta memberikan peluang kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk menyuarakan pandangan, aspirasi, dan isu-isu yang perlu diberikan perhatian.

Program pagi ini dihadiri oleh ratusan warga dari pelbagai lapisan masyarakat, termasuk ahli parlimen Kuala Lumpur, Majlis perwakilan Penduduk (MPP), pemegang taruh yang berkaitan dan perwakilan dari pelbagai komuniti dan sektor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. YB Menteri mengambil peluang ini untuk mendengar maklum balas, pandangan secara langsung daripada orang ramai yang hadir, sambil memberikan penjelasan mengenai perkhidmatan, produk, program serta inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan dan DBKL.

YB Menteri juga menekankan mengenai komitmen beliau dalam menangani isu-isu legasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bertekad untuk meningkatkan kualiti kehidupan warga kota dalam aspek pembangunan fizikal, pembangunan sosio ekonomi, keselamatan dan kesejahteraan sepanjang tempoh beliau memegang portfolio ini. Beliau menegaskan Kerajaan Malaysia MADANI akan terus mendengar dan memberikan respon kepada keperluan rakyat. Sesi temu rapat ini bukan sahaja menjadi medan untuk pertukaran buah fikiran, tetapi juga sebagai sebuah platform dalam mewujudkan pemerintahan yang inklusif dan responsif.

Jabatan Wilayah Persekutuan sangat menghargai penglibatan aktif warga Wilayah Persekutuan dalam sesi temu rapat ini, dan berjanji untuk terus berusaha memberikan perkhidmatan yang lebih baik untuk kesejahteraan bersama. Kerjasama yang erat antara kerajaan dan masyarakat seperti ini dapat membantu dalam mencapai matlamat bersama untuk meningkatkan kualiti hidup dan membina Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang maju dan sejahtera.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Jabatan Wilayah Persekutuan
9 Januari 2024**